



TEO KOK SEONG



AWANG SARIYAN



ZAINAL ABIDIN

## Iktiraf UEC beri isyarat tidak baik

**KUALA LUMPUR 12 Julai** - Keputusan kerajaan Pakatan Harapan (PH) untuk meneruskan rancangan mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersama (UEC) akan memberi isyarat tidak baik kepada rakyat yang setia mengikuti sistem persekolahan aliran utama negara.

Felo Utama Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), **Prof. Datuk Dr. Teo Kok Seong** berkata, pelaksanaan cadangan mengiktiraf UEC perlu mengambil kira aspek kemanusiaan dan keadilan kepada semua rakyat.

Menurut beliau, langkah itu boleh menimbulkan kekeliruan dalam kalangan rakyat dalam soal memilih aliran persekolahan sekali gus menyebabkan mereka tidak lagi melihat sekolah kebangsaan sebagai keutamaan.

"Kerajaan perlu menilai dari segi kemanusiaan. Ia seperti ungkapan 'kera di hutan disusukan, anak di rumah mati kelaparan'. Ini mungkin merugikan kepada mereka yang mengikut sistem persekolahan aliran utama.

"Ini akan membuatkan mereka menilai semula keperluan untuk mengikuti aliran utama, setelah menyedari UEC akan turut mendapat faedah yang sama. Oleh itu, ini boleh memberi implikasi terhadap perpaduan nasional," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik hari ini menegaskan kementerianya akan tetap meneruskan rancangan untuk mengiktiraf UEC selaras dengan manifesto PH selain menyatakan, pihaknya tidak akan membuat pusingan U atau dilihat *flip-flop* dalam perkara tersebut.

Sementara itu, bekas Ketua

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), **Prof. Datuk Dr. Awang Sariyan** menganggap keputusan kerajaan itu tidak ubah seperti *flip-flop* sedangkan beberapa hari lalu Maszlee telah menyatakan akan melakukan kajian holistik sebelum membuat sebarang keputusan berhubung pengiktirafan UEC.

"Mungkin kena semak kamus apa maksud *flip-flop*. Tidak sampai beberapa hari berkata mahu membuat kajian terlebih dahulu dan tidak mahu membuat keputusan terburu-buru tetapi hari ini mahu meneruskan rancangan untuk mengiktiraf UEC.

"Sepatutnya kena berpegang kepada janji untuk melakukan kajian terlebih dahulu," katanya.

Beliau menambah, kerajaan mungkin boleh mendedahkan kajian yang telah dibuat berkenaan usaha mengiktiraf UEC seperti yang dijanjikan oleh Maszlee sebelum ini.

Dalam perkembangan lain, Ketua Satu Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Gapena), **Prof. Madya Zainal Abidin Borhan** berkata, keputusan kerajaan itu hanya menjejaskan keseluruhan amalan sistem kebangsaan di negara ini.

"Syarat asas untuk masuk perkhidmatan awam adalah lulus Bahasa Melayu dan Sejarah dengan kepujian dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"Jadi bagaimana kita mahu memperakui kebolehan bahasa Malaysia pelajar ini dalam perkhidmatan awam?" soalnya.

Beliau turut mencadangkan agar calon-calon UEC mengambil dua mata pelajaran tersebut supaya kelulusan mereka setara dengan SPM.